

16 JULAI 2018

## Rasuah: 5 anggota polis kena reman

### **Rasuah: 5 anggota polis kena reman**

SEREMBAN - Lima anggota polis direman selama enam hari berikutan menerima rasuah bernilai RM5,000.

Suspek berusia antara 29 sehingga 51 tahun itu, ditangkap kelmarin semasa berada di Pejabat SPRM Negeri Sembilan dan seorang di Jalan Besar Jempol.

Kesemua suspek ditangkap kerana meminta dan menerima RM5,000 daripada seorang lelaki Melayu untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap pengadu dikatakan terlibat aktiviti menjual dadah.

Kes akan disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



Lima suspek berpakaian dibawa ke Mahkamah di Seremban semalam.

